

1

KERETA Nissan Fairlady milik Asyraf Zakuan berhenti betul-betul di hadapan rumah teres dua tingkat itu. Mata dihala pada daun pintu yang masih tertutup rapat. Dia memandang pula jam pada *dashboard* kereta. Belum sempat dia hendak membunyikan hon kereta, kelihatan Nur Liyana sudah terkedek-kedek membuka pagar.

Nasib baik kau cepat, kalau tak, satu taman ni akan dengar bunyi hon kereta aku, getus Asyraf Zakuan dalam hati.

“Bukan main awal kau ambil aku hari ni? Nasib baik aku siap awal, kalau tak tujuh keturunan aku akan dengar kau membebel. Mengalahkan arwah opah aku,” ujar Nur Liyana sebaik sahaja memboloskan diri ke dalam kereta teman baiknya itu.

Teman baik okey, bukan teman lelaki! Mata dikerling sesaat pada Asyraf Zakuan sambil membetulkan kedudukan tudung di kepala.

“Assalamualaikum Cik Nur Liyana Zahirah binti Yusuf!” sapa Asyraf Zakuan seraya menekan pedal minyak.

Kereta terus meluncur laju. Nur Liyana menelan air liur. Sekali lagi dia lupa untuk memberi salam ketika masuk ke dalam kereta. Dengan lelaki ini

mana boleh buat silap. Laju saja teguran padat dan mampat akan keluar dari mulutnya. Paling tidak pun dia akan menyindir dengan nada bersahaja tetapi paling menyakitkan hati. Huh!

Semalam pun macam ni juga. Tak pasal-pasal pagi ni kena tazkirah lagi, keluh Nur Liyana dalam hati.

“Ops, sorry!”

“Tengok tu, salam aku tak dijawab lagi.”

“Walaikumussalam, ustaz!” jawab Nur Liyana sambil mengayunkan nadanya seperti budak sekolah ketika menyahut salam daripada cikgu atau ustaz mereka.

“Kau ini kan, muka dah cun. Tapi *part* mulut tu memang *out*.” Pedas sekali sindiran Asyraf Zakuan.

Nur Liyana menjulingkan matanya ke atas. Malas dia hendak melayan kata-kata teman baik itu. Teman baik ke macam ni? Tapi orang kata teman yang baik akan menegur segala kesalahan kita di depan kita, kan?

Nasib baik kau cakap muka aku cun, kalau tak mahu juga aku campak kau melalui tingkap kereta ni. Kalau umi kau tanya aku, aku cakap ajelah kau bunuh diri sebab tanda protes dengan mulut aku. Umi kau akan percaya punya, sebab aku kan anak angkat kesayangan dia, bahas Nur Liyana dalam hati.

Dia hanya berani membahaskan dalam hati kerana ketika ini dia berada di dalam kereta Asyraf Zakuan. Kalau dia luahkan segala-galanya di mulut, mahu lelaki itu menyuruh dia turun dari kereta sekarang ini juga. Tanpa sedar, bibirnya sudah senyum sebaris. Lucu dengan kata hatinya sebentar tadi.

“Yang kau senyum sorang-sorang tu, kenapa? Mesti kau ada niat nak dengki dengan aku, kan? Baik kau mengaku cepat, Liyana! Kalau tak, aku turunkan kau kat sini,” ugut Asyraf Zakuan sambil menjeling tajam pada gadis bertudung merah jambu itu.

Seperti yang Nur Liyana fikirkan sebentar tadi, Asyraf Zakuan benar-benar mengeluarkan ayat ‘turunkan kau kat sini’ dari mulutnya. Namun itu semua hanyalah di mulut. Mana mungkin Asyraf Zakuan tegar menurunkan Nur Liyana di merata-rata tempat. Mahu dia dipancing oleh uminya nanti.

“Tak baik kau tuduh aku macam tu. Aku ni kawan baik kau, takkan aku nak dengki dengan kawan baik aku sendiri? Lagipun perempuan sesopan dan secantik aku ni tak ada perasaan dengki-mendengki macam tu. Yang ada cuma perasaan kasih sayang, mengambil berat, hormat-menghormati. Kiranya pakej untuk menjadi gadis pilihan mak mertua memang ada pada akulah,” jawab Nur Liyana sambil tersengih.

Itulah dia kawan baik aku yang bernama Nur Liyana Zahirah. Cakap susah nak berhenti, kompelin Asyraf Zakuan dalam hati.

“Kau tu *part* tekan lif naik sendiri memang tak ada siapa yang boleh lawan. Tadi cakap aku membebel macam arwah opah kau tapi aku tengok kau tu lebih teruk lagi. Aku rasa kan Liyana, apa kata kau *apply* jadi *lecturer*? Kerja *lecturer* kan kena banyak bercakap jadi kau antara calon yang sesuai. Serius aku cakap,” cadang Asyraf Zakuan bersungguh-sungguh.

Mendengar perkataan *lecturer*, membuatkan Nur Liyana teringat akan sesuatu. Lantas bahu Asyraf

Zakuan ditepek kuat.

“Nasib baik otak kau yang tak berapa pandai tu memproses perkataan *lecturer*. Sekurang-kurangnya kau dah ingatkan aku tentang satu perkara penting. Kau tau tak, aku dapat tawaran jadi *lecturer* dekat sebuah kolej swasta!” Riang sahaja Nur Liyana memberitahu berita terkini tentang dirinya.

Membulat mata Asyraf Zakuan memandang teman baiknya itu. Nasib baik saat itu mereka berhenti pada lampu isyarat berwarna merah. Kalau tidak, mahu saja Asyraf Zakuan berhenti mengejut.

“Biar betul?” tanya Asyraf Zakuan seperti tidak percaya.

Apa tidaknya, angin tak ada, ribut tak ada tiba-tiba cakap dah dapat jadi *lecturer*. Entah bila Nur Liyana membuat permohonan kerja itu pun dia tak tahu. Selalunya apa-apa saja rancangan dibuat, Nur Liyana akan melaporkan kepadanya.

Nur Liyana pula sudah menganggukkan kepala. Senyuman makin lebar di bibirnya. Dia tahu pasti Asyraf Zakuan terkejut dengan berita itu kerana dia tidak pernah menceritakan apa-apa mengenai permohonannya di mana-mana kolej atau universiti.

Takkan semua benda nak bagi tahu kat dia, kan?

“Alhamdulillah. So bila kau *start* mengajar?” tanya Asyraf Zakuan sekadar ingin tahu.

“Isnin depan. Lagipun aku dah muak dengan muka *big boss* aku sekarang ni. Muka *handsome* nak mampus tapi perangai macam hantu bungkus! Nasib baiklah muka aku ni dalam kategori gadis cun plus ayu,

kalau tidak mahu juga aku buka kung fu gayung aku dekat dia. Baru dia tahu KLCC tu tinggi ke rendah!" Nur Liyana mengomel.

Asyraf Zakuan sudah pun ketawa terbahak-bahak.

"Kerja baru masuk tiga hari tapi macam tu sekali kau dengan bos kau ya? Itulah, abah aku ajak kerja dengan dia tapi kau tak nak. Dia bagi kau *position as a marketing executive* tahu tak? Tapi kerja *tea lady* ni juga kau nak. Aku pun tak tahulah macam mana kompeni kau tu boleh *hired* kau," rungut Asyraf Zakuan.

Dia dan keluarganya menentang habis-habisan dengan keputusan Nur Liyana yang ingin bekerja sebagai *tea lady*. Kelulusan yang ada pada gadis berdagu lekuk itu memang seribu kali tidak sesuai dengan apa yang dilakukannya sekarang ini.

"Don't worry, Encik Asyraf Zakuan. Hari ni *last day* aku kerja sini sebab Isnin depan aku dah jadi *lecturer*, tahu!" jelas Nur Liyana sambil bersiap sedia untuk keluar dari kereta apabila melihat bangunan pejabatnya sudah jelas kelihatan.

"Petang nanti aku naik teksi tau, sebab aku dah janji dengan orang bengkel tu nak ambil kereta. Okeylah, *bye!*" ujar Nur Liyana lagi lalu berlalu tanpa menoleh sekilas pun pada Asyraf Zakuan yang termangu di dalam kereta.

Bukannya hina sangat pun jadi *tea lady!* bentak Nur Liyana dalam hati.

2

LANGKAHNYA menuju ke pantri diayun dengan tenang. Baru sahaja tangannya hendak menarik laci kabinet, tiba-tiba dia disapa oleh seseorang.

“Cantik you hari ni,” puji Lilian.

Gadis berbangsa Cina yang bukan main fasih lagi berbahasa Melayu itu memuji Nur Liyana yang sememangnya pantang dipuji. Tidak dinafikan raut wajah Nur Liyana agak menarik walaupun dia tidaklah secantik bidadari atau model di kaca TV tetapi raut wajahnya yang lembut itu bisa membuatkan orang akan memandangnya dua kali. Kira cantik jugalah, kan?

“Saya memang cantik. Bukan hari ni aje cantik tau, tapi hari-hari,” jawab Nur Liyana selamba.

Hah! Kan dah cakap dia ni pantang dipuji.

Lilian sudah mencebik. Tahu sahaja dia perangai selamba gadis itu. Namun staf yang ada di pejabat itu senang dengan kehadiran Nur Liyana walaupun dia baru sahaja bekerja tiga hari di situ.

“NUR LIYANA ZAHIRAH!”

“Oh mak kau jatuh menonggeng!” latah Nur

Liyana akibat terkejut mendengar namanya dipanggil senyaring itu.

Dadanya diurut perlahan. Lilian sudah pun mengekek ketawa apabila muk yang dipegang Nur Liyana jatuh tergolek ke dalam singki.

Nasib baik kau *landing* kat singki, kalau kau *landing* kat lantai tak pasal-pasal aku kena mengemop, omel Nur Liyana dalam hati.

“Nur Liyana Zahirah binti Yusuf!”

Sekali lagi namanya dipanggil.

Kalau tadi lontaran suara itu boleh sampai ke Sabah sana, kali ni aku rasa boleh sampai ke Kutub Utara. Jadi kau orang bayangkanlah kuat tak kuat jeritan tu.

“Ya sayaaa!!!”

Hah! Kau ingat kau sorang aje boleh menjerit macam tu, aku pun bolehlah!

Kali ini Lilian pula terkejut mendengar suara Nur Liyana.

Macam Tarzan and Jane aje dia orang ni. Bos tu pun satu, jerit nama orang macam nak makan orang aje. Yang si Liyana ni pula selamba kentang putar dia jerit balik macam tu. Ini betul-betul buku bertemu ruas. Dahsyat!

“You tolong basuhkan singki ni kejap ya, Lily. I nak pergi ziarah orang sakit kat dalam tu. Bunyi suara dia macam dah nazak, takut tak sempat pula I nak minta maaf,” kata Nur Liyana sebelum berlalu.

“Hey, girl!” panggil Lilian lagi.

Nur Liyana berpaling. Kening diangkat sedikit.

“Jangan lupa baca bismillah,” pesan Lilian dengan muka yang serius. Dia tahu semua itu daripada abangnya yang sudah lama memeluk Islam.

Nur Liyana memandang tepat ke wajah Lilian. Ada garis-garis pelik bermukim di wajah Nur Liyana. Wajah Lilian pula nampak lebih bersahaja. Lilian pula hanya mengukir senyum saat memandang wajah *tea lady* mereka itu. Dia tahu, pasti gadis itu pelik dengan pesanannya tadi. Pesan saja kut, bukannya ada maksud apa-apa. Lagipun, dia tidak tahu masa akan datang kot-kot dia juga mengikut jejak abangnya, iaitu memeluk Islam, pasti sedikit sebanyak dia sudah punya ilmu tentang agama itu.

“Nur Liya...”

“Comingg!” jerit Nur Liyana lagi lalu berlari-lari anak menuju ke bilik CEO.

Beberapa orang staf hanya mampu menggelengkan kepala melihat telatah Nur Liyana. Dua tiga orang daripada mereka sudah tersenyum sesama sendiri. Kehadiran Nur Liyana benar-benar menarik perhatian mereka. Selain ramah dan mesra, air minuman buatan Nur Liyana memikat anak tekak mereka.

Daun pintu yang sedikit terbuka itu ditolak perlahan. Wajah bosnya sudah pun masam mencuka. Mata mereka bertaut. Bukan untuk mengalirkan perasaan kasih sayang melalui pandangan mata tetapi perasaan meluat antara sama satu yang lain.

“Awak ni memang lembab tau tak? Tak dengar ke saya panggil nama awak macam nak putus anak tekak saya ni tapi baru sekarang awak sampai? Jauh sangat dari pantri nak ke bilik saya?” jerkah bos Nur

Liyana yang bernama Syed Khairul Annuar bin Syed Khalil Azwan.

Nama bukan main panjang lagi, kan? Lidah pun boleh terseliuh menyebutnya.

“Ada apa awak panggil saya?”

Ambil kau! Tak ada masa aku nak panggil kau bos lagi. Buang karan aku aje! kutuk Nur Liyana dalam hati. Geram sungguh hatinya.

Tidak pernah sekali pun Syed Khairul bermuka dan berayat manis dengannya. Semuanya masam dan pahit saja. Tiga hari dia bekerja di sini, tiga hari jugalah wajah Syed Khairul mencuka. Orang lain ada yang jadi bos juga, tapi tak adalah asyik nak meroyan macam dia!

Membuntang terus mata Syed Khairul memandang wajah pekerjanya yang merangkap *tea lady* itu.

Kurang asam kelubi punya *tea lady*! Suka hati mak bapak dia aje panggil aku macam tu. Nasib baik muka *cute*, kalau tak, hari pertama lagi aku dah pecat dia. Suka sangat nak melawan cakap orang! bahas hati kecil Syed Khairul.

“Awak tahu tak awak sedang bercakap dengan siapa?” soal Syed Khairul dengan hati yang panas membara.

Nur Liyana tidak pula terus menjawab sebaliknya dia dengan selamba duduk di sofa yang ada di dalam bilik itu. Makin berbulu mata Syed Khairul memandangnya.

Setiap kali masuk ke bilik aku, di situ jugalah dia *landing*. Kerusi di depan aku ni tak nak pula dia

duduk, protes Syed Khairul dalam hati.

“Saya ni tak rabun lagi, jauh sekali buta dan saya masih boleh mengenal sama ada orang yang bercakap dengan saya ni manusia ke haiwan. Tapi kalau dia haiwan sekalipun, rasanya suara dia taklah macam tadi. Seganas-ganas singa pun tak pernah lagi saya dengar dia menjerit macam orang tengah meroyan,” balas Nur Liyana sambil membalas renungan tajam bosnya.

Saya kenyit mata nanti baru bos tahu!

“You!!!” jerit Syed Khairul lagi dengan jari telunjuk tertala tepat pada wajah Nur Liyana.

Sakit hatinya dengan persamaan yang dibuat oleh Nur Liyana. Dia bandingkan aku dengan singa? Tak patut betul! Rasa nak tenyeh dengan cili aje mulut kecil itu! marah Syed Khairul dalam hati. Tangan yang tadi mengawang ke udara, kini sudah jatuh ke sisi sebelum dikepal berkali-kali. Nasib baik perempuan, kalau lelaki, sampai juga buku lima di mukanya itu.

Tengok tu! Dia menjerit lagi. Aku rasa dia ni boleh masuk The Malaysia Book of Records sebab tak ada lagi orang yang gila menjerit macam dia, keluh hati Nur Liyana.

“Malaslah saya nak melayan perempuan tak betul macam awak ni! Ni saya nak tanya, sejak bila saya minum teh? Memandai-mandai awak aje hantar teh kat saya. Dah! Pergi tukar. Saya nak kopi, bukan teh!”

Ops! Macam mana aku boleh silap hantar ni? Nur Liyana gigit bibir bawah. Bukankah tadi dia ada bancuh air kopi untuk Syed Khairul, dan air teh untuk Encik Adam? Pasti tertukar ni! Tapi Encik Adam relaks

aje minum tadi? Ah, apa-apalah!

“Errr... Maafalah, Encik Syed Khairul Annuar bin Syed Khalil Azwan, saya ni *tea lady* okey, bukan *coffee lady*. Remember that!” balas Nur Liyana lalu berlalu.

Sempat dia menangkap wajah bengang bosnya itu. Senyuman di wajah disembunyikan. Belum sempat Syed Khairul membuka mulut, dia sudah pun bersuara semula.

“Yalah... yalah... Kejap lagi saya buat kopi kapal api betul-betul *kaw* untuk bos. Bos duduk aje situ diam-diam tapi jangan nak nangis guling-guling pula kalau saya lambat hantar. Ingat senang ke nak buat air yang sedap di lidah dan sedap dalam hati? Susah tau.” Spontan sahaja Nur Liyana berkata lalu meninggalkan lelaki yang masih menahan amarahnya itu.

Kesian pula dia dengan bosnya yang tak sudah-sudah menjerit itu. Beberapa orang staf perempuan datang menghampirinya. Biasalah perempuan, kerja nak bergosip aje. Tanpa gosip, hidup perempuan akan jadi sepi dan sunyi. Sebab itulah golongan perempuan antara yang paling ramai masuk ke neraka, hanya kerana mulut mereka. *Nauzubillahminzalik...*

“Okay ladies, lunch time nanti I *story mori* dekat you all, okey? Sebab I nak buat *coffee for our boss*. Kalau lambat, tak pasal-pasal runtuh bangunan ni sebab terkena tempias jeritan dia. I pun peliklah macam mana you all ni boleh tahan kerja kat sini,” omel Nur Liyana lalu meninggalkan mereka yang kecewa kerana tidak dapat mendengar cerita daripada *tea lady* mereka yang bukan main berani melawan kata-kata bos mereka itu.

SENYUMAN Nur Liyana melebar apabila dia baru sahaja berjumpa dengan Puan Amanda yang merupakan ketua HR di tempat kerjanya itu. Nampaknya dia tidak perlu memberi sebarang notis untuk berhenti kerja kerana dia belum menandatangani mana-mana perjanjian dengan syarikat milik bos kaki jerit itu.

“Liyana, bos minta kopi. Cepat tau,” beritahu Zamani kepada Nur Liyana yang sedang leka membalas SMS daripada Asyraf Zakuan.

Temannya itu berkeras mahu mengambilnya setelah habis waktu kerja nanti. Dia apa lagi, sudah pasti bersetuju walaupun pagi tadi bukan main berlagak lagi cakap hendak menaiki teksi. Sekurang-kurangnya, selamat duit tambang teksi dia nanti.

Dah nak pukul lima petang ni. Lebih baik aku buat kopi dia tu cepat-cepat. Kalau tak, tak pasal-pasal kena tengking *free of charge* lagi! Lagipun mungkin ini kopi terakhir aku buat untuk dia, jadi bolehlah aku minta maaf sekali, putusanya dalam hati.

Dia terus menuju ke pantri lalu membancuh kopi dengan kadar segera. Kopi terakhir ini akan dibancuh sesedap mungkin agar bosnya teringat akan kopinya nanti.

Amboi, bukan main lagi kau, Liyana!

“**COFFEE,**” kata Nur Liyana lalu meletakkan muk berisi kopi panas itu di atas meja Syed Khairul yang sedang leka membuat kerjanya.

“Kenapa awak nak berhenti? Tak suka kerja dengan saya?” tanya Syed Khairul dengan pandangan mata yang tajam.

Seperti biasa, Nur Liyana akan duduk di sofa. Memang ada kerusi di depan meja Syed Khairul tetapi dia lebih suka duduk di sofa yang ada di situ. Rasanya tidak melampau kalau dia mengatakan baru tiga hari dia bekerja di situ, dia sudah pun jatuh cinta pada sofa yang berada di dalam bilik bosnya itu. Selesa dan empuk. Pasti layan kalau tidur kat sini.

“Awak dengar tak apa yang saya tanya ni?” tempik Syed Khairul dengan suara yang tinggi melangit.

Tengok tu, aku rasa hobi dia ni menjeritlah, rungut Nur Liyana dalam hati.

Dia baru terfikir untuk meminta maaf dengan bosnya itu sebelum berhenti kerja tetapi hasratnya dipadamkan dengan se pantas kilat apabila melihat bosnya itu sudah mula naik angin. Baru sahaja dia hendak membuka mulut, terdengar daun pintu ditolak perlahan dan muncul seorang gadis tinggi lampai bersama senyuman manis.

Gila cantik perempuan ni! puji Nur Liyana dalam hati lalu dengan hati berbunga-bunga, dia menghulurkan senyuman perkenalan. Manalah tahu dia boleh berkawan dengan orang cantik macam ni. Namun telahannya meleset apabila senyumannya dibalas dengan jelingan tajam. Berlagaklah pula!

“Hai sayang!” sapa perempuan tadi dengan nada manja.

Lantas Nur Liyana memandang Syed Khairul. Sengaja melihat reaksi bosnya itu.

Yalah, orang jumpa buah hati mesti senyum sampai ke telinga, kan? Dah tiga hari aku kat sini, tak pernah aku tengok dia ni senyum. Macamlah kalau senyum kena bayar dua seringggit. Macam kata Mail dalam Upin Ipin tu.

Tetapi respons daripada Syed Khairul amatlah memeranjatkan. Muka bosnya masih masam mencuka. Lebih masam daripada tadi.

“Ada apa you datang kat sini, Zana?” tanya Syed Khairul sedikit kasar.

Tiada unsur-unsur kemesraan dalam kata-katanya itu.

Zana terus melabuhkan punggungnya di kerusi berhadapan dengan Syed Khairul. Nur Liyana masih tidak lagi berganjak.

“You masih marahkan I ke? Okey, I mengaku memang I salah tapi takkan you tak boleh beri peluang kepada I? I tahu you masih sayangkan I, kan? Kalau tak, you mesti dah ada pengganti I tapi sampai sekarang you masih *single* lagi. *Come on* sayang, kita bina hidup baru, okey?” pujuk Zana sambil cuba menyentuh tangan Syed Khairul yang ada di atas meja itu.

Ops! Bekas awek rupanya. Tapi aku rasa aku ada idea *best* pula petang-petang macam ni, bisik Nur Liyana dalam hati bersama senyuman penuh muslihat terukir di bibirnya.

Syed Khairul Annuar menarik tangannya lalu berdiri dan menghadap tingkap. Pandangannya dibuang jauh ke luar cermin. Dia malas hendak melayan kedatangan Zana itu. Sejak akhir-akhir ini reputasi kerjanya agak terjejas angkara keretakan hubungannya

dengan Zana. Gadis yang ditatang bagai minyak yang penuh itu, telah membuat onar di belakangnya. Marah dengan Zana, habis semua pekerjaanya terkena tempias yang sama.

Nur Liyana pula mula bangkit dari tempat duduknya lalu menuju ke arah Syed Khairul. Otaknya ligat mengatur skrip spontan yang bakal dilakonkannya sebentar nanti.

Siaplah kau perempuan sebab berlagak dengan aku, dan bos pun siap juga sebab sesuka hati nak marah saya masa saya kat sini, sela Nur Liyana dalam hati.

Sampai sahaja di belakang Syed Khairul, Nur Liyana mendeham beberapa kali sehingga membuatkan lelaki itu berpaling kepadanya. Zana pula memandang penuh curiga. Melihat Syed Khairul mahu membuka mulut laju saja, Nur Liyana memintas.

“Abang, rasanya abang kena bagi tahu Zana hal yang sebenar. Sayang bukan apa, sayang tak nak orang salah faham dengan abang. Nanti apa pula kata staf abang bila dapat tahu bos mereka main kayu tiga. Nasib baik *time* ni sayang ada, kalau tak? Tak pasal-pasal gosip abang dengan Zana sampai ke telinga sayang. Sayang tak nak rumah tangga yang baru kita bina ni hancur macam tu aje.” Lembut sekali Nur Liyana mengatur bicara sambil tangannya mengatur kedudukan tali leher Syed Khairul.

Senyuman manisnya pula tidak lekang dari bibir. Kalau Asyraf tengok ni, mahu dia muntah darah! gelak Nur Liyana dalam hati.

Zana sudah tergamam, manakala Syed Khairul terpinga. Tidak pernah dia mendengar alunan suara Nur

Liyana selembut ini. Tambahan pula, sentuhan lembut tangan Nur Liyana di dada membuatkan hatinya berdebar-debar walaupun sentuhan itu masih dihalang oleh bajunya tapi terasa sampai ke hati.

Perempuan ni dah bomohkan aku ke apa?

"You... you dah kahwin, Khairul?" soal Zana sambil matanya sudah mula berkaca-kaca.

Syed Khairul yang masih terkesima dengan telatah spontan Nur Liyana langsung tidak menghiraukan pertanyaan Zana.

"Nampaknya you dah tahu hal yang sebenar, jadi lepas ni I minta sangat kat you supaya jangan ganggu Khairul lagi. Kisah you dengan dia dah berakhir. Sekarang ni kisah Syed Khairul Annuar dengan Nur Liyana Zahirah pula. So, kalau tak ada apa-apa, lebih baik you keluar sekarang," sambung Nur Liyana lagi sambil melirik manja kepada Syed Khairul.

Kali ini dia sudah pun memaut mesra lengan Syed Khairul. Terasa sesak nafas Syed Khairul Annuar apabila Nur Liyana memperlakukan dirinya seperti itu. Wajah Zana yang sudah berubah warna itu tidak dipedulikan tetapi wajah bersahaja milik Nur Liyana diperhati lama.

Tanpa menunggu lama, Zana terus melangkah keluar sambil menghentak-hentak kaki.

Eleh! Macam budak-budak tak dapat gula-gula aje, kutuk Nur Liyana dalam hati lalu melepaskan lengan bosnya.

"Okeylah bos, saya nak balik dulu. Bye boss!" kata Nur Liyana lalu keluar.

Pantas tas tangan diambil apabila dia teringat untuk mengambil kereta di bengkel. Kesian pula dia kepada Asyraf Zakuan yang terpaksa menghantar dan mengambilnya kerja sejak tiga hari lepas.

DI DALAM bilik, Syed Khairul sudah pun tersenyum sendiri. Dia tidak tahu kenapa hatinya tiba-tiba berasa bahagia apabila Nur Liyana melayannya sebegitu. Daripada alunan suaranya, lirikan manjanya dan senyuman manisnya membuatkan hati Syed Khairul menjadi tidak keruan.

Namun senyuman panjangnya mati apabila teringat *tea ladynya* itu sudah pun berhenti kerja pada hari ini. Dengan pantas dia menuju ke lif lalu turun ke bawah. Walau bagaimanapun dia tidak sempat memanggil Nur Liyana yang sudah pun masuk ke dalam sebuah kereta Nissan Fairlady. Sempat juga dia mencuri pandang lelaki di sebelah Nur Liyana.

Tampam dan bergaya! desis hatinya. Dengan langkah longlai, dia naik ke atas semula. Baru sahaja dia hendak menolak daun pintu biliknya, dia telah disapa oleh Puan Amanda.

“Tak balik lagi, bos?”

“Kejap lagi. Errr... Boleh tak Kak Amanda bagi fail Nur Liyana kepada saya sebelum Kak Amanda balik?”

Puan Amanda yang sememangnya tidak banyak soal itu terus mengganggu dan kembali semula

ke biliknya. Tidak sampai lima minit, fail itu sudah pun bertukar tangan. Hatinya berbunga-bunga semula.

Nur Liyana Zahirah! bisiknya dalam hati lalu duduk di sofa. Fail yang mengandungi latar belakang Nur Liyana itu dibuka laju. Matanya tertumpah pada gambar Nur Liyana yang tersenyum manis.

“Kenapalah aku tak perasan senyuman manis dia ni dulu, kalau tak, sah-sah aku suruh dia *sign contract* cepat-cepat. Sekurang-kurangnya tak adalah dia berhenti mengejut macam ni,” katanya perlahan. Ada nada penyesalan terselit di hujung ayatnya itu.

Gambar Nur Liyana dipandang lagi. Gadis itu memang biasa-biasa sahaja tapi dia punya aura yang boleh meruntun hati mana-mana lelaki.

“Alis matanya lentik. Sesuai dengan matanya yang bundar. Hidung nak kata mancung tak juga mancung tapi sedang-sedang. Dipadankan pula dengan bibirnya yang comel. Belum masuk *part* dagunya yang lekuk lagi.” Syed Khairul berbicara sendiri.

Tidak lama selepas itu, dia memandang latar belakang keluarga dan pendidikan Nur Liyana pula.

“Ya Allah! Ada *degree* budak ni? *Best student* pula tu! Macam mana HR boleh terima dia? Tapi kalau mereka tak terima, pasti aku tak jumpa dengan Nur Liyana ini, kan? Patut pun selamba dia aje *sound* aku. Tapi muka macam budak baru lepas sekolah aje. Comel! Liyana, Liyana,” gumamnya perlahan.

Saat itu juga dia bernekad mahu menjejaki semula Nur Liyana. Tidak kira apa pun yang terjadi, Nur Liyana akan dia cuba miliki!

3

AINUL ZAQYAH meluru ke arah Nur Liyana setelah melihat gadis itu keluar dari kereta. Hajah Maryam menggeleng-gelengkan kepala apabila anak bongsunya itu sudah pun memeluk Nur Liyana. Jelas sekali kemesraan terpamer di antara gadis berdua itu.

“Ain rindu sangat kat akak tau!” beritahu Ainul Zaqyah yang baru sahaja balik dari Russia.

Cuti semesternya baru sahaja bermula membuatkan dia balik sebentar ke Malaysia.

“Akak pun rindu kat Ain juga. Sampaikan makan tak kenyang, tidur tak lena, dan mandi tak basah sebab teringatkan kat adik akak yang super *cute* ni!” sambung Nur Liyana lantas membalas pelukan Ainul Zaqyah yang juga merangkap adik kepada Asyraf Zakuan.

“Jom kak, kita masuk. Tu, umi dah tunjuk muka protes sebab anak perempuan dia yang sorang ni tak pergi peluk cium dia lagi,” bisik Ainul Zaqyah kepada Nur Liyana.

Dia tahu uminya turut menanti kedatangan kawan baik angahnya itu. Nur Liyana tersenyum lalu menghampiri Hajah Maryam yang sudah menunggu di pintu utama.

“Assalamualaikum, umi!” sapa Nur Liyana mesra.

Sejak dia kenal dengan Asyraf Zakuan empat tahun lepas, dia sudah pun dianggap sebagai anak angkat oleh keluarga Asyraf Zakuan.

“Walaikumussalam. Umi ingatkan kamu dah lupa jalan nak sampai rumah ni, yalah dah dekat sebulan kamu tak datang sini,” sahut Hajah Maryam lalu menyambut hুলuran tangan daripada Nur Liyana.

Gadis itu hanya tersengih. Asyraf Zakuan yang baru sahaja turun dari biliknya segera merapatkan diri dengan tiga orang perempuan itu.

“Mesyuarat tingkap ke apa ni?” tegur Asyraf Zakuan sebelum matanya singgah pada wajah Nur Liyana.

Cantik pula minah ni hari ni, pujinya dalam hati.

“Mesyuarat pintulah angah sebab dari tadi asyik kat pintu ni aje. Angah ni dah kenapa? Tengok Kak Liyana macam nak telan aje,” tegur Ainul Zaqyah apabila mata angahnya tidak lepas memandang wajah kakak angkatnya itu.

“Buat apa tercegat kat sini lagi? Jom umi kita makan, angah dah lapar dah. Ni semua salah kau Liyana, lambat sampai sini. Kalau tak, tadi dah kita orang makan!” kata Asyraf Zakuan untuk menutup malu apabila ditegur oleh adiknya.

Budak ni agak-agaklah kalau nak *sound* aku pun! Buat malu aje, gerutunya dalam hati lalu berlalu menuju ke meja makan. Nasib baik Nur Liyana tu jenis orang yang macam tak ada perasaan. Kalau tak, kan

haru-biru dibuatnya.

“Ada pula salah aku? Kau tu yang lambat bagi tau aku. Lain kali beritahu awal sikit. Nasib baik aku ni mesra, cekap dan amanah. Kalau tak, meranalah kau tunggu aku!” rungut Nur Liyana tidak mahu kalah sambil mengikut langkah Ainul Zaqyah dan Hajah Maryam ke meja makan.

Haji Faiz sudah pun tersenyum senang melihat Nur Liyana. Begitu juga dengan anak sulungnya, Adam Zainal.

Haji Faiz dan Hajah Maryam mempunyai dua orang anak lelaki dan seorang anak perempuan. Adam Zainal merupakan anak sulung mereka yang kini sedang bertugas sebagai juruterbang manakala Asyraf Zakuan merangkap timbalan pengarah di syarikat keluarga mereka. Ainul Zaqyah pula masih belajar di Russia dalam jurusan perubatan. Memandangkan Ainul Zaqyah jauh di perantauan, kasih sayang mereka suami isteri akhirnya tertumpah pada Nur Liyana. Bukan mahu menggantikan Ainul Zaqyah dengan Nur Liyana tetapi hanya mahu melepas rindu kepada anak perempuannya yang seorang itu.

“Cantik Liyana hari ni,” puji Adam Zainal bersahaja.

“Hah?” Tersentak Nur Liyana dipuji secara spontan begitu.

Matanya memandang tepat ke wajah juruterbang muda itu. Mimpi basah ke mamat ni malam tadi? Tak pernah-pernah dia puji aku sejak empat tahun lepas.

Asyraf Zakuan sudah pun mendeham apabila

melihat pandangan Nur Liyana dan alongnya bertaut lama.

Main mata pula dia orang ni!

“Along baru perasan ke yang Kak Liyana ni cantik?” soal Ainul Zaqyah sambil tersenyum penuh makna.

Ainul Zaqyah memang suka kalau alongnya itu berkenan dengan Nur Liyana. Haji Faiz dan Hajah Maryam juga mula berpandangan sesama sendiri. Mereka berdua lagilah suka dapat menantu seperti Nur Liyana. Cuma mereka lebih suka kalau Asyraf Zakuan yang menjadi pasangan kepada Nur Liyana sebab anak sulung mereka, Adam Zainal punya banyak ‘cawangan’. Tetapi yang menjadi masalahnya kini, Asyraf Zakuan sudah pun terpaut hati dengan Fatihah.

“Siapa yang masak ikan siakap tiga rasa ni, umi? Sedaplah,” sampuk Asyraf Zakuan.

Ainul Zaqyah mencebik. Angah ini kan potong jalan betullah! Orang baru nak tengok reaksi along, rungut Ainul Zaqyah dalam hati.

“Siapa lagi yang masak kalau tak umi ni? Kalau nak harapkan adik kamu, alamatnya kebulurlah orang kat rumah ni,” jelas Hajah Maryam sambil memandang wajah anak bongsunya yang mula menarik muka.

Mak Dinah memang tidak akan memasak untuk keluarga Haji Faiz sejak dia bekerja sebagai pembantu rumah di situ kerana Hajah Maryam mahu suami dan anak-anaknya merasa air tangannya sendiri. Air tangan seorang isteri atau ibu merupakan pengikat kasih sayang yang paling mujarab.

“Kamu tu Liyana, kenapa tak makan lagi? *On*

diet ke?" tegur Haji Faiz apabila melihat Nur Liyana masih berkira-kira untuk makan.

"Liyana *on diet*? Macam tak percaya aje," sinis sahaja Asyraf Zakuan mengenakan teman baiknya itu.

Cis, dasar kawan yang tak boleh diharap! marah Nur Liyana seraya menjeling tajam pada Asyraf Zakuan yang duduk betul-betul di hadapannya.

"Jangan mengada-ada nak diet, Liyana. Umi tengok badan kamu ni lebih kurang dengan tiang bendera aje." Selamba sahaja Hajah Maryam menyuarkan kata-katanya.

Asyraf Zakuan dan Adam Zainal sudah tergelak melihat muka Nur Liyana kelat seribu.

"Errr... kurus sangat ke Liyana ni, umi?" Nur Liyana bertanya juga.

Aku rasa setiap bulan aku timbang berat badan aku. Dan setahu aku, ketinggian dan berat badan aku ditahap ideal! puji Nur Liyana dalam hati. Ah, siapa lagi nak puji diri sendiri, kan?

"Kurus sangat tu taklah tapi saing-saing tiang bendera tu tetap ada," usik Hajah Maryam.

Ainul Zaqyah mengekek ketawa apabila melihat Nur Liyana memerhatikan setiap inci tubuhnya sendiri. Takut benar jika badannya sekurus tiang bendera. Kurus-kurus pun ada hati yang terpaut!

Lantas mata Ainul Zaqyah memandang wajah kedua-dua abangnya itu. Dia pasti antara seorang daripada abangnya itu pasti ada menyimpan rasa pada Nur Liyana. Silap hari bulan bukan seorang, tetapi kedua-duanya sekali.

“Kat rumah tu kamu ada masak ke?” soal Hajah Maryam lalu mematikan lamunan Ainul Zaqyah.

Nur Liyana yang sedang menyuap nasi ke dalam mulut segera mengangguk. Dia dengan teman serumahnya, Lestari memang memasak setiap hari.

“Masak apa?” tanya Adam Zainal pula.

Nur Liyana mengangkat muka. Sekali lagi matanya bertemu dengan Adam Zainal.

Kalau hari-hari aku tengok dia ni, mesti aku jatuh cinta. Kenapalah abang kau ni *handsome* sangat, Asyraf? Tapi Asyraf, kau *handsome* lagi di matak, pujinya dalam hati.

“Along aku tanya tu!” tegur Asyraf Zakuan yang sedikit berbulu matanya melihat alongnya sudah kelihatan lain macam sahaja sewaktu menunggu jawapan daripada Nur Liyana.

Cemburukah dia? *Errr... No comment!*

“Hmmm... selalunya masak Maggi aje. Tak pun masak air.”

Hajah Maryam terus terbatuk.

Alamak! Aku salah cakap ke? Tanpa menunggu lama, tangannya laju menuang air ke dalam gelas lalu dihulurkan kepada Hajah Maryam yang seusia mamanya itu.

“Patut pun badan kecil macam Maggi,” sakat Hajah Maryam lagi setelah batuknya berhenti.

Serta-merta ruang makan rumah dua tingkat itu gamat dengan gelak tawa mereka. Cuma Nur Liyana sahaja cemberut wajahnya. Dalam cemberut-cemberut muka, suapan di mulut tak berhenti pula.

“Kalau kita dah kahwin nanti, terpaksa saya ni makan Maggi hari-hari.” Spontan sahaja Adam Zainal bersuara sambil tersenyum nakal.

Apa salahnya kahwin dengan Nur Liyana? Budak ni lawa apa?

“*What?!*” Hampir terkeluar biji mata Asyraf Zakuan mendengar kata-kata alongnya.

Nur Liyana sudah pun terbatuk kecil. Gurauan jenis apalah dia orang buat hari ni?

Ainul Zaqyah pula makin galak ketawa namun tangannya menggosok lembut belakang Nur Liyana. Seronok dia mendengar usikan alongnya cuma dia pelik dengan gelagat angahnya.

Lain macam aje angah aku ni? Takkan dia syok kat kawan baik dia sendiri? Si Fatihah tu nanti dia nak letak mana?

Akhirnya Haji Faiz menukar topik perbualan apabila melihat wajah Nur Liyana merah setelah diusik oleh anak sulungnya. Kesian pada gadis itu datang menjengah.

Adam Zainal pula hanya sembunyi senyum. Suka hatinya dapat mengusik Nur Liyana sekaligus menilai perasaan adiknya, Asyraf Zakuan. Sejak dulu lagi dia berfikir, mana kurangnya Nur Liyana sehingga Asyraf Zakuan tidak terpaut hati kepada gadis itu. Walaupun dia mempunyai banyak ‘cawangan’ atau perempuan, tetapi untuk dibuat isteri pasti gadis seperti Nur Liyana menjadi pilihan hati. Melihat uminya yang suka benar dengan Nur Liyana membuatkan dia makin mudah mengagak penerimaan keluarganya terhadap gadis itu. Bukankah restu Allah datangnya daripada ibu bapa juga? fikir Adam Zainal dalam hati.